

16/08/2002

1,076 pelajar Unimas terima ijazah

Matzidi Dris

SERAMAI 1,076 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen ke-6, yang berlangsung selama dua hari, di Dewan Unimas, Kota Samarahan, bermula 17 Ogos ini.

Daripada jumlah itu, seorang menerima ijazah Doktor Falsafah, 102 penerima ijazah Sarjana dan 973 lagi penerima ijazah Sarjana Muda.

Naib Canselornya, Prof Dr Yusuf Hadi, berkata majlis konvokesyen kali ini diadakan dalam tiga sesi, dengan sesi pertama bermula pagi 17 Ogos ini.

Beliau berkata, sesi kedua pada sebelah petang dipengerusikan Pro-Canselor, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, manakala sesi ketiga pada hari Ahad, dipengerusikan Tun Abang Muhammad Salahudin.

Katanya, tiga tokoh akan dianugerahkan dengan ijazah kehormat kedoktoran kerana sumbangan mereka bukan saja kepada Sarawak dan negara, malahan di peringkat antarabangsa.

"Mereka terdiri daripada seorang aktivis sosial dan keselamatan negara, Tan Sri Lee Lam Thye yang akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan, diikuti Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr Mohamad Taha Arif, yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains.

"Seorang lagi penerima ialah wakil khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, yang menerima Ijazah kehormat Doktor Undang-Undang," katanya dalam sidang akhbar di Unimas, kelmarin.

Beliau berkata, pada majlis itu, tiga pemenang anugerah akademik peringkat universiti juga akan menerima anugerah masing-masing.

Katanya, Anugerah Canselor diterima Aazani Mujahid dari Program Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.

"Pingat Jaya Cemerlang bagi Anugerah Pelajar Diraja diterima oleh dua penerima iaitu Rosmina Ahmad Bustami dari Program Kejuruteraan Sivil, Fakulti Kejuruteraan dan Ting Tiew On dari Program Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi juga Fakulti Kejuruteraan," katanya.

Yusuf berkata, pesta konvokesyen diadakan bermula semalam hingga 18 Ogos ini di Kampus Unimas, Kota Samarahan.

"Unimas ditubuhkan pada 24 Disember 1992, dan dekad pertama kecemerlangan Unimas akan diraikan mulai Ogos 2002 hingga Ogos 2003.

"Bulan Ogos dipilih kerana pada 8 Ogos 1993, Unimas mula mengambil pelajar perintisnya.

"Pada 13 Ogos 1993 pula, Unimas dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ogos ialah bulan kelapan, angka bertuah bagi Unimas iaitu universiti kelapan ditubuhkan di negara ini," katanya.